

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM DAN SOSEA PACU PERTUMBUHAN USAHAWAN SOSIAL DI SABAH**

**KOTA KINABALU, SABAH, Jumaat [12 Januari 2024]:** Peneraju perbankan Islam di Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), hari ini memeterai dokumen Perjanjian Usaha Sama Strategik bersama Persatuan Usahawan-Usahawan Sosial Sabah (SOSEA) bagi kerjasama membangunkan usahawan sosial termasuk memperluaskan akses pembiayaan kepada ahli-ahli di bawahnya bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah.

Pemeteraian perjanjian tersebut telah disempurnakan Ketua Pegawai Kewangan Sosial Kumpulan Bank Islam, Mohd Nazri Chik dan Presiden SOSEA, Puan Zazila Roslan.

SOSEA yang dianggotai 70 usahawan sosial merupakan persatuan perusahaan sosial kedua terbesar di Malaysia yang ditubuhkan sejak tahun 2021 bertujuan menghubungkan usahawan sosial di Sabah menerusi jaringan dan kerjasama strategik. Usahawan sosial memainkan peranan penting dalam membolehkan dan menangani cabaran masyarakat setempat dengan menghasilkan produk atau perkhidmatan yang dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Sebelum pemeteraian perjanjian diadakan, Bank Islam telah mengadakan lawatan lapangan kepada beberapa perusahaan sosial milik ahli-ahli SOSEA di Kota Belud, Kundasang dan Papar. Sebuah sesi libat urus juga telah diadakan di antara Bank Islam dan pemimpin serta ahli-ahli SOSEA pagi ini bagi memahami lebih mendalam terhadap cabaran dan potensi usahawan-usahawan sosial di Sabah.

Menerusi pemeteraian perjanjian berkenaan, Bank Islam melantik SOSEA sebagai pembuat perubahan (Changemaker) yang menjadi rakan pelaksana dalam agenda kewangan sosialnya.

Justeru, kerjasama ini nanti akan memberi manfaat yang diperlukan bukan sahaja kepada usahawan sosial yang layak malah mencipta manfaat kepada kumpulan masyarakat yang terpinggir serta alam sekitar.

Mohd Nazri berkata, Bank Islam memberi fokus kepada pembangunan perusahaan sosial bermula tahun 2024 bagi menggandakan impak sosial ke arah sistem kewangan yang lebih inklusif. Sokongan daripada bank komersial seperti Bank Islam akan melonjakkan lagi potensi perusahaan sosial dan seterusnya memastikan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030) yang telah dilancarkan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tercapai dengan jayanya.

“Sabah mempunyai ramai usahawan sosial berpotensi tinggi yang mampu meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi rakyat setempat dan pada masa sama, memelihara kesejahteraan alam sekitar. Sebagai contoh, seorang daripada ahli SOSEA, Magret Daddy yang juga

merupakan usahawan program pembiayaan mikro iTEKAD BangKIT Bank Islam. Usahawan wanita ini telah memimpin penduduk kampungnya untuk menghidupkan semula ladang koko yang terbiar di Kota Belud, seterusnya menggiatkan penghasilan koko berkualiti yang memberi manfaat kepada semua individu terlibat," katanya.

Beliau menambah, Bank Islam amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyediakan sokongan yang diperlukan oleh usahawan sosial seperti Magret Daddy untuk menggerakkan aktiviti pengusaha-pengusaha di bawahnya, termasuk pengusaha koko, yang memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi negeri ini. Sabah, yang merupakan pengeluar utama biji koko negara, menyumbang lebih 50 peratus tanaman koko di Malaysia.

"Bank Islam percaya menerusi suntikan dana yang akan disalurkan melalui program iTEKAD Bank Islam, potensi komoditi tersebut dapat diperhebatkan lagi, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat setempat," katanya.

"Begitu juga graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Lukman Awaluddin dan isterinya Siti Faznur Khaled yang menubuhkan Brutti&Besi yang bukan sahaja memanfaatkan lebih 40 tan kayu-kayu palet menjadi perabot yang menyelamatkan lebih 500 batang pokok; bahkan menganjurkan program BaikiHero untuk melatih para belia bagi memiliki kemahiran membaiki dan membuat perabot bagi mewujudkan peluang pekerjaan di Sabah," katanya.

Dilancarkan pada Mei 2020, program iTEKAD direka untuk memanfaatkan instrumen kewangan sosial seperti zakat, sedekah atau derma dan dana pelaburan sosial dengan menawarkan pembiayaan mikro berstruktur serta menyediakan latihan pengurusan perniagaan dan kewangan kepada pemohon yang layak. Program ini bertujuan untuk memperkasakan usahawan mikro yang layak, termasuk usahawan sosial, untuk mencapai daya tahan kewangan, menjana pendapatan berterusan dan mewujudkan rangkaian nilai mampan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat.

Menerusi iTEKAD, penerima pembiayaan juga berpeluang mengikuti latihan keusahawanan dan pengurusan kewangan berstruktur untuk memastikan pemahaman, kemahiran dan pengetahuan yang lebih holistik dalam mengurus usaha niaga mereka dengan cekap dan berdaya maju.

Bank Islam mempunyai tiga program iTEKAD – iTEKAD BangKIT, iTEKAD Maju dan iTEKAD Jaya – tersedia di seluruh negara untuk mereka yang kurang mendapat akses perbankan dan perusahaan yang dimiliki oleh golongan B40. Sejak pelancarannya, Bank Islam telah memperkasakan lebih 1,000 usahawan mikro dengan mengagihkan lebih RM16 juta dalam bentuk sokongan kewangan di bawah program iTEKAD.

Beliau menambah, pada tahun 2024 ini, Bank Islam akan turut mengembangkan fokus dan kerjasama dengan perusahaan sosial di negeri-negeri lain di Malaysia.

"Bagi tahun 2024, Bank Islam merancang untuk memperluaskan lagi usaha kepada membangunkan keusahawanan sosial di negeri-negeri lain di Malaysia. Usaha ini akan

menyediakan peluang kepada usahawan sosial untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka melalui program pembiayaan mikro iTEKAD kami yang komprehensif, pada masa sama, memperkukuhkan lagi perusahaan yang dijalankan demi impak sosial yang lebih ketara kepada komuniti dan persekitaran," ujar Mohd Nazri.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulin, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)**